

BUKU TATACARA

17 Majlis
KONVOKESYEN
POLITEKNIK SANDAKAN SABAH *ke-*

11

"Graduan TVET Pemangkin Transformasi Melakar Revolusi"

MAJLIS KONVOKESYEN KE-11

1. Majlis Konvokesyen ke-11 Politeknik Sandakan Sabah akan diadakan pada ketetapan yang berikut:

Tarikh : 21 September 2024 (Sabtu)
Tempat : Dewan Kompleks Sukan Sandakan, Sabah
Masa : 7.00 pagi – 12.30 petang

2. Graduan yang terlibat bagi Majlis Konvokesyen ke-10 adalah daripada graduan Jabatan Agroteknologi dan Bio-Industri bagi:

- i. **Sesi II: 2022/2023**
- ii. **Sesi I: 2023/2024**

3. Aturcara Majlis Konvokesyen Kali ke-11 boleh dirujuk di Lampiran 1.

SEBELUM MAJLIS KONVOKESYEN KE-11

1. Pengesahan Kehadiran

- i. Penyertaan graduan ke Majlis Konvokesyen ini hendaklah dibuat secara atas talian melalui pautan berikut:
http://spmp.pss.edu.my/ukonvo/konvo_login.jsp
- ii. Borang permohonan sama ada **HADIR / TIDAK HADIR** konvokesyen perlu diisi oleh semua graduan.
- iii. Tarikh akhir pengesahan kehadiran adalah pada **20 OGOS 2024**.

2. Yuran Konvokesyen

- i. Graduan Hadir: RM300 (termasuk bayaran yuran alumni RM50)
- ii. Graduan Tidak Hadir: RM210 (termasuk bayaran yuran alumni RM50)
- iii. Pecahan Yuran Konvokesyen;

| BIL | PERKARA | KUANTITI | YURAN HADIR | YURAN TIDAK HADIR |
|---------------|------------------|----------|-----------------|-------------------|
| 1. | ALUMNI | 1 | RM50.00 | RM50.00 |
| 2. | JUBAH | 1 | RM50.00 | - |
| 3. | FOLDER + SIJIL | 1 | RM39.00 | RM39.00 |
| 4. | PENGURUSAN KONVO | 1 | RM91.00 | RM91.00 |
| 5. | GAMBAR | 1 | RM40.00 | - |
| 6. | CENDERAHATI | 1 | RM30.00 | RM30.00 |
| JUMLAH | | | RM300.00 | RM210.00 |

- iv. Pembayaran yuran konvokesyen boleh dibuat melalui kaedah perbankan internet atau online transfer.

| | |
|--------------|--|
| Nama Bank | Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) |
| Nama Akaun | Koperasi Politeknik Sandakan Sabah Berhad (Akaun 2) |
| Nombor Akaun | 1004 3010 0212 73 |

- v. Bukti pembayaran perlu dimuatnaik (screenshot/image) melalui pautan berikut:

Graduan Hadir : <https://forms.gle/s2Mi8DqYRrHEYv8M67>

Graduan Tidak Hadir : <https://forms.gle/f2jZAxGdxq5dMi7d6>

- vi. Tarikh akhir pembayaran yuran konvokesyen adalah **pada 6 SEPTEMBER 2024 (Jumaat)**. Kegagalan membayar yuran akan menyebabkan sijil Diploma dan transkrip anda akan ditahan.
- vii. DUA kaedah pembayaran:

- a. Perbankan internet atau Online Transfer.


Semua bayaran yang dibuat **DIWAJIBKAN** untuk membuat catatan seperti berikut pada bahagian reference.

Reference 1: Yuran Konvo ke-11

Reference 2: Nombor kad pengenalan

- b. Melalui Bill Presentment di Cash Deposit Machine (CDM) Bank Islam. Graduan dikehendaki menulis **Nama** dan **No. Pendaftaran** pada resit pembayaran (resit CDM) setelah selesai membuat pembayaran

*Caj perkhidmatan mungkin akan dikenakan oleh pihak Bank Islam untuk setiap transaksi.



3. Pendaftaran Graduan

- i. Hari pendaftaran graduan akan diadakan pada **20 SEPTEMBER 2024** bertempat di:
 - a. **Sesi II: 2022/2023 (DAG): Dewan Peperiksaan JAB**
 - b. **Sesi II: 2022/2023 (DAQ): Bilik Seminar 1**
 - c. **Sesi I: 2023/2024 (DAG): Bilik Seminar 2**
 - d. **Sesi I: 2023/2024 (DAQ): TEC 2**
- ii. Pendaftaran graduan bermula pada jam 8.00 pagi sehingga 12.00 tengahari sahaja. Graduan perlu menunjukkan **resit asal yuran konvokesyen** untuk pengesahan dan **slip pengesahan kehadiran daripada iKonvo**.
- iii. Semasa pendaftaran, graduan akan diberikan:
 - a. Booklet
 - b. Pas masuk konvokesyen
 - c. Pas kenderaan
- iv. Booklet yang diberikan mestilah disimpan sehingga urusan pengambilan Transkrip dan Diploma selesai.
- v. Pas masuk konvokesyen mesti dibawa bersama dan ditunjukkan pada urusetia yang bertugas sebelum graduan dibenarkan memasuki dewan.
- vi. Pas kenderaan perlu dipaparkan dengan jelas pada kenderaan yang dinaiki semasa Hari Konvokesyen berlangsung bagi memudahkan Jawatankuasa Konvokesyen yang terlibat.

4. Pendaftaran Alumni

- i. Graduan **DIWAJIBKAN** untuk mengisi dan mendaftar sebagai Alumni Politeknik Sandakan Sabah. Pautan dan QR code borang keahlian adalah seperti dibawah:

<https://forms.gle/1qD8bmcxK1ciRyVFA>

atau



5. Pengisian Sistem Kajian Pengesanan Graduan (SKPG)

- i. Graduan Sesi II: 2022/2023 dan Sesi I: 2023/2024 **DIWAJIBKAN** untuk menghadiri **Taklimat Pengisian Sistem Kajian Pengesanan Graduan (SKPG)**. Butiran program adalah seperti berikut:

Tarikh : 7 September 2024 (Sabtu)
Masa : 9.00 - 10.00 pagi
Tempat : Google meet (pautan akan diberikan kemudian)

- ii. Graduan **DIWAJIBKAN** untuk mengisi Sistem Kajian Pengesanan Graduan (SKPG) pada ketetapan berikut:

Tarikh : 20 September 2024 (Jumaat)
Masa : 8.00 – 12.00 pagi
Tempat : Makmal Bahasa 1, 2 dan 3

- iii. Graduan **DIWAJIBKAN** untuk **MENCETAK SLIP KAJIAN PENGESANAN GRADUAN dan MENUNJUKKAN TANGKAPAN SKRIN PENGISIAN BORANG ALUMNI** dan menyerahkan kepada JK Alumni dan Pengesanan Graduan. Kegagalan menyerahkan slip SKPG menyebabkan graduan tidak dibenarkan untuk membuat peminjaman jubah konvokesyen.
- iv. Graduan perlu mempamerkan booklet kepada petugas untuk dicop dan ditandatangani selepas selesai.

6. Peminjaman Jubah

- i. Semua graduan perlu memuat turun dan mengisi Borang Peminjaman Jubah yang boleh didapati di laman web rasmi PSS.
- ii. Borang Peminjaman Jubah perlu diserahkan pada **20 SEPTEMBER 2024** semasa proses pengambilan jubah kepada Jawatankuasa Jubah.
- iii. Lokasi peminjaman jubah bertempat di Jabatan Hal Ehwal Pelajar (JHEP) PSS.
- iv. Graduan perlu mempamerkan booklet kepada petugas untuk dicop dan ditandatangani dan mematuhi SOP semasa proses pengambilan jubah.
- v. Graduan boleh mengambil jubah bermula seawal jam 8.00 pagi – 12.00 tengah hari selepas selesai sesi SKPG.

7. Raptai Konvokesyen

- i. Raptai Majlis Konvokesyen akan diadakan pada ketetapan berikut:

Tarikh : 20 September 2024 (Jumaat)
Masa : 2.00 petang
Tempat : Dewan Kompleks Sukan Sandakan

- ii. Semua graduan **DIWAJIBKAN** hadir ke majlis raptai. Kegagalan menghadiri majlis raptai **TIDAK DIBENARKAN** menyertai Majlis Konvokesyen ke -11.
- iii. Pakaian semasa raptai hendaklah kemas dan sesuai dengan majlis. Jeans/ selipar/ kemeja T tanpa kolar **TIDAK DIBENARKAN** semasa raptai.
- iv. Kegagalan/kelewatan menghadiri raptai konvokesyen yang telah ditetapkan akan menyebabkan graduan **DILARANG/DIHALANG** daripada mengikuti Majlis Konvokesyen.
- v. Taklimat rupadiri dan pemakaian, serta perarakan masuk graduan semasa majlis raptai akan dikendalikan oleh Jawatankuasa Pemandu Graduan.

SEMASA MAJLIS KONVOKESYEN KE-11

1. Graduan

- i. Semua graduan yang menghadiri Majlis Konvokesyen hendaklah, dalam majlis itu mematuhi arahan berpakaian seperti yang ditetapkan.
- ii. Pakaian dan rupa diri **graduan lelaki** :
 - a) Memakai pakaian lengkap kebangsaan serba hitam (seluar, sampin, kasut berwarna hitam/gelap dan bersarung kaki).
Atau
 - b) Memakai sut penuh berwarna gelap dengan kemeja lengan panjang berwarna cerah beserta tali leher, seluar panjang berwarna hitam dan kasut bertutup berwarna hitam/gelap dan bersarung kaki.
 - c) Rambut hendaklah dalam keadaan **KEMAS DAN PENDEK**. Graduan yang mempunyai rambut berwarna-warni **TIDAK** dibenarkan menyertai majlis konvokesyen.
 - d) Graduan tidak dibenarkan untuk:
 - Memakai subang telinga/hidung/bibir
 - Berambut panjang/berekor (mencecah kolar baju)
 - Memakai selipar, kasut sukan atau sandal
 - Memakai seluar pendek atau jeans

- iii. Pakaian dan rupa diri **graduan perempuan** :
- a) Memakai pakaian kebangsaan (baju kurung atau kebaya panjang warna bebas) dan **berkasut bertutup berwarna hitam/gelap**. Bagi yang beragama Islam, hendaklah memakai tudung.
 - b) Anda **DILARANG** memakai pakaian yang tidak sopan/ mencolok mata, jarang, berbelah, ketat dan mendedahkan aurat (bagi pelajar muslim) serta menjejaskan perjalanan majlis.
 - c) Graduan tidak dibenarkan untuk:
 - Mengenakan skirt yang singkat dia atas paras lutut, berbelah terlalu tinggi, seluar ketat, baju tanpa lengan dan baju yang berkain jarang.
 - Pemakaian barang kemas yang berlebihan adalah tidak digalakkan.

SEKIRANYA GRADUAN TIDAK MEMATUHI PERATURAN PAKAIAN DAN RUPADIRI YANG DITETAPKAN, PIHAK JAWATANKUASA PETUGAS KHAS/ URUSETIA KONVOKESYEN MEMPUNYAI KUASA UNTUK TIDAK MEMBENARKAN GRADUAN MENYERTAI MAJLIS KONVOKESYEN.

- iv. Setiap graduan **TIDAK DIBENARKAN** melakukan perkara berikut semasa berada di dalam dewan:
- a) Menggunakan telefon bimbit sewaktu berada di dalam dewan
 - b) Membawa bunga dan beg tangan ketika perarakan masuk ke dalam dewan
 - c) Mengambil gambar atau merakam video semasa berada di dalam dewan
 - d) Membawa makanan dan minuman
 - e) Berbual dengan suara yang kuat atau membuat bising
- v. Graduan diingatkan supaya tidak membawa masuk makanan dan minuman serta barang-barang persendirian seperti beg, kamera, telefon bimbit, atau lain-lain alat yang boleh mengganggu Majlis Konvokesyen.
- vi. Pastikan semua barangan berharga disimpan di tempat yang selamat atau disimpan oleh ibubapa/penjaga sebelum memasuki dewan.
- vii. Pihak Politeknik Sandakan Sabah tidak akan bertanggungjawab sekiranya berlaku sebarang kerosakan atau kehilangan barang-barang persendirian.
- viii. Mohon kerjasama graduan agar tidak meninggalkan dewan semasa Majlis Konvokesyen sedang berlangsung.

2. Ibu Bapa/ Penjaga/ Tetamu

- i. Ibu Bapa/ Penjaga/ Tetamu (termasuk kanak-kanak berumur 12 tahun ke atas Sahaja) hendaklah berpakaian sepertimana berikut:
- ii. **Lelaki:**
 - a) Memakai pakaian kebangsaan/ batik/ kemeja sut/ pakaian rasmi yang sesuai.
 - b) Kemeja T, seluar jeans dan seluar pendek **TIDAK DIBENARKAN**.
- iii. **Wanita:**
 - a) Memakai pakaian kebangsaan/ pakaian rasmi/ pakaian sopan yang bersesuaian.
 - b) Seluar panjang atau jika memakai skirt hendaklah melepasi paras lutut.
 - c) Blaus tanpa lengan, kemeja T, seluar jeans dan seluar pendek **TIDAK DIBENARKAN**.
- iv. Semua tetamu mestilah memakai kasut bertutup atau sandal yang bersesuaian.
- v. Tetamu yang bergejala atau sedang mengikuti perintah pengawasan dan pemerhatian (Home Surveillance Order)/kuarantin tidak digalakkan hadir ke Majlis Konvokesyen.
- vi. Para ibubapa/penjaga/tetamu **TIDAK DIBENARKAN** melakukan perkara berikut semasa berada di dalam dewan:
 - a) Menggunakan telefon bimbit sewaktu berada di dalam dewan.
 - b) Mengambil gambar atau merakam video semasa berada di dalam dewan ketika majlis sedang berlangsung.
 - c) Membawa makanan dan minuman ke dalam dewan.
 - d) Berbual dengan suara yang kuat atau membuat bising.
 - e) Keluar/masuk ke dalam Majlis Konvokesyen semasa majlis sedang berlangsung.
- vii. Pastikan semua barangan berharga dijaga dengan baik.
- viii. Pihak Politeknik Sandakan Sabah tidak akan bertanggungjawab sekiranya berlaku sebarang kerosakan atau kehilangan barang-barang persendirian.
- ix. **Pas Masuk Konvokesyen** akan diberikan semasa hari pendaftaran (20 September 2024) kepada graduan. Pas ini perlu diserahkan kepada ibubapa/penjaga untuk memasuki dewan pada Hari Konvokesyen.
- x. Ibubapa/penjaga **WAJIB** mempamerkan PAS MASUK ini kepada petugas di pintu masuk dewan.
- xi. Kehilangan/tertinggal/kegagalan mempamerkan pas masuk **TIDAK DIBENARKAN** memasuki dewan.
- xii. Hanya **2 ORANG SAHAJA** ibubapa/penjaga bagi setiap graduan yang dibenarkan masuk ke dalam dewan memandangkan tempat adalah terhad.
- xiii. Kanak-kanak berumur bawah 12 tahun **TIDAK DIBENARKAN** memasuki dewan konvokesyen semasa majlis sedang berlangsung.

- xiv. Mohon kerjasama ibubapa/penjaga agar tidak meninggalkan dewan semasa Majlis Konvokesyen sedang berlangsung.
- xv. Graduan diminta untuk memaklumkan peraturan ini kepada ibubapa/penjaga sebelum hari konvokesyen.
- xvi. **Pas Kenderaan** akan diberikan semasa hari pendaftaran (20 September 2024) kepada graduan. Pas ini perlu dipamerkan kepada petugas lalulintas sebelum meletakkan kenderaan di kawasan yang telah disediakan.
- xvii. Ibumama/penjaga dibenarkan meletakkan **SATU (1) KENDERAAN SAHAJA** di kawasan tempat letak kereta khas yang telah disediakan oleh petugas. Sekiranya ibumama/penjaga hadir melebihi satu kenderaan, ibumama/penjaga boleh meletakkan kenderaan di kawasan sekitar (parkir bebas).
- xviii. Kehilangan/kegagalan mempamerkan pas kenderaan **TIDAK DIBENARKAN** meletakkan kenderaan di tempat letak khas yang telah disediakan.
- xix. Sila patuhi arahan/tunjuk arah yang diberikan oleh petugas bagi mengelakkan sebarang kesesakan lalulintas.

3. Sesi Fotografi

- i. Pihak Politeknik Sandakan Sabah menyediakan servis fotografi semasa Majlis Konvokesyen berlangsung.
- ii. Jurugambar rasmi bagi majlis penyampaian Diploma di dalam dewan akan disediakan.
- iii. Graduan dan ibumama/penjaga/tetamu **DILARANG MENGAMBIL GAMBAR** semasa Majlis Konvokesyen berlangsung bagi memastikan kelancaran majlis.

SELEPAS MAJLIS KONVOKESYEN KE-11

1. Pemulangan Jubah

- i. Jubah Konvokesyen perlu dipulangkan semula sebaik sahaja Majlis Konvokesyen tamat iaitu pada **21 SEPTEMBER 2024 SEBELUM jam 5.00 petang**.
- ii. Lokasi pemulangan jubah bertempat di Jabatan Hal Ehwal Pelajar (JHEP) PSS.
- iii. Graduan perlu mempamerkan booklet kepada petugas untuk dicop dan ditandatangani.
- iv. Kegagalan memulangkan jubah akan menyebabkan Transkrip dan Diploma ditahan oleh Unit Peperiksaan.
- v. Sebarang kerosakan, kecacatan atau kehilangan jubah akan dikenakan bayaran ganti rugi sebanyak RM250 bagi sepasang jubah lengkap (termasuk *mortar board*).
- vi. Denda sebanyak RM50 sehari akan dikenakan sekiranya gagal memulangkan jubah pada masa yang telah ditetapkan.

2. Pengambilan Transkrip dan Diploma

- i. Graduan boleh mengambil Transkrip dan Diploma masing-masing sebaik sahaja Majlis Konvokesyen berakhir dan setelah graduan mengesahkan pemulangan jubah.
- ii. Proses tuntutan Transkrip dan Diploma mestilah dibuat di **Unit Peperiksaan Politeknik Sandakan Sabah** sehingga jam 5.00 petang pada 21 September 2024.
- iii. Graduan mestilah mempamerkan booklet kepada petugas Unit Peperiksaan untuk dicop.
- iv. Tuntutan Transkrip dan Diploma oleh wakil graduan secara walk-in memerlukan **Surat Rasmi** dan **Salinan Kad Pengenalan** graduan untuk pengesahan dan semakan Unit Peperiksaan.
- v. Graduan yang **tidak hadir** ke Majlis Konvokesyen boleh mendapatkan Transkrip dan Diploma dengan membuat bayaran sebanyak RM210 dan mengemaskini maklumat di pautan <https://forms.gle/KRypDfYGacF334io7>
- vi. Transkrip dan Diploma akan dihantar melalui pos dalam tempoh 14 hari selepas tarikh Majlis konvokesyen.
- vii. Transkrip dan Diploma yang tidak dituntut akan disimpan di Unit Peperiksaan PSS selama **1 TAHUN SAHAJA**.
- viii. Semua graduan **WAJIB** memulangkan semua bahan-bahan perpustakaan atau peralatan milik PSS yang telah disimpan dan belum dipulangkan (jika berkaitan). Kegagalan berbuat demikian mengakibatkan Diploma graduan ditahan.
- ix. Sebarang tuntutan Transkrip dan Diploma selepas hari konvokesyen hendaklah dibuat di Unit Peperiksaan PSS pada waktu pejabat (8.00 pagi – 5.00 petang) sahaja.

LAIN-LAIN PERKARA

1. Senarai kemudahan penginapan.

Berikut disenaraikan beberapa kemudahan hotel berhampiran di sekitar Kawasan Sandakan sebagai rujukan:

a) Sabah Hotel

Alamat: Km 1, Jalan Utara, Sandakan City Center, Sandakan, Malaysia
No. Tel: 089-213 299

| JENIS BILIK | ANGGARAN HARGA |
|-------------|----------------|
| Superior | RM373 |
| Deluxe | RM443 |
| Suite | RM575-689 |

b) Hotel Sandakan

Alamat: Block 83, 4th Ave, Town Centre, Sandakan City Center, Sandakan
No. Tel: 089-221 122

| JENIS BILIK | ANGGARAN HARGA |
|-------------|----------------|
| Superior | RM157 |
| Deluxe | RM169-252 |
| Family | RM189-238 |

c) The Elopura Hotel

Alamat: HS 12, Sandakan Harbour Square, 90000 Sandakan, Malaysia
No. Tel: 089-240 888

| JENIS BILIK | ANGGARAN HARGA |
|-------------|----------------|
| Standard | RM197-288 |
| Superior | RM209-306 |
| Double | RM161 |

d) The Pavilion Hotel

Alamat: Block A3, Bandar Labuk Jaya, Mile 7, Labuk Road, Bandar Indah,
Sandakan, Malaysia,
No. Tel: 089-222 626

| JENIS BILIK | ANGGARAN HARGA |
|--------------------|-----------------------|
| Standard | RM130 |
| Superior | RM146-162 |
| Deluxe | RM162 |
| Family | RM194 |

e) Tyng Garden Hotel

Alamat: Lot 19, Ground Floor, Bandar Tyng, Mile 6, Jalan Utara, Sandakan,
Bandar Indah, Sandakan, Malaysia
No. Tel: 089-668 333

| JENIS BILIK | ANGGARAN HARGA |
|--------------------|-----------------------|
| Deluxe King | RM104 |
| Deluxe Twin | RM107 |
| Deluxe Family | RM115 |
| Deluxe Triple | RM121 |

f) Gloria Swiss Hotel & Apartment Sandakan

Alamat: Lot E-1-G, Lorong Letat 3, Bandar Letat Jaya, Mile 4, Bandar Indah,
Sandakan, Malaysia
No. Tel: 089-243 111

| JENIS BILIK | ANGGARAN HARGA |
|--------------------|-----------------------|
| Standard | RM111 |
| Superior | RM142-149 |

g) The Mark's Lodge Hotel

Alamat: Lot 1-7, Block 36, Bandar Indah, Batu 4, Jalan Cecily, Sandakan, Sabah, Malaysia

No. Tel: 089-210 055

| JENIS BILIK | ANGGARAN HARGA |
|--------------------|-----------------------|
| Standard | RM148-179 |
| Deluxe | RM228 |

h) MJ Hotel

Alamat: Lot 5, Bandar Megah Jaya, Jalan Lintas Labuk, 90000 Sibuga, Malaysia

No. Tel: 089-669 988

| JENIS BILIK | ANGGARAN HARGA |
|--------------------|-----------------------|
| Superior | RM98 |
| Deluxe | RM118 |

i) My Dream Hotel

Alamat: Lot 161-166 Block D, Avenue 5, Bandar Utama (IJM) Mile 6, North Road, Bandar Utama (IJM), 90000 Sandakan, Sabah

No. Tel: 089-208 228

| JENIS BILIK | ANGGARAN HARGA |
|--------------------|-----------------------|
| Standard | RM66 |
| Superior | RM102 |
| Deluxe | RM121 |

j) Labuk Hotel

Alamat: Block C2, Bandar Labuk Jaya, KM11.9 (Mile 7.5), Jalan Lintas Labuk, Sandakan, Sabah, Malaysia, Bandar Indah, Sandakan
No. Tel: 010-267 0010

| JENIS BILIK | ANGGARAN HARGA |
|--------------------|-----------------------|
| Standard | RM94-120 |
| Deluxe | RM115-135 |
| Superior | RM130-155 |

*Harga yang dipamerkan adalah berdasarkan laman web www.trivago.com.

*Harga bilik hotel tertakluk kepada ketersediaan yang terhad.

**ATURCARA MAJLIS
KONVOKESYEN KE-11 POLITEKNIK SANDAKAN SABAH
21 SEPTEMBER 2024 (SABTU)**

| | | |
|-----------------|---|---|
| 7.00 Pagi | : | Ketibaan Dan Pendaftaran Graduan Pergerakan Masuk Ibu Bapa Penjaga ke dalam Dewan |
| 7.40 Pagi | : | Perarakan Masuk Graduan ke dalam Dewan |
| 7.45 Pagi | : | Ketibaan Tetamu Jemputan & Sarapan Pagi |
| 8.00 Pagi | : | Ketibaan Tetamu Kehormat (Ybhg. Dato' Dr. Haji Mohd Zahari Bin Ismail, Ketua Pengarah, JPPKK) |
| 8.50 Pagi | : | Pergerakan Masuk Tetamu Kehormat dan Tetamu Jemputan |
| 9.00 Pagi | : | Ucapan Aluan Pengarah Politeknik Sandakan Sabah |
| 9.15 Pagi | : | Ucapan Perasmian Tetamu Kehormat |
| 9.45 Pagi | : | Penyampaian Diploma Graduan Sesi II:2022/2023 |
| 10.30 Pagi | : | Persembahan 1 |
| 10.40 Pagi | : | Penyampaian Diploma Graduan Sesi I:2023/2024 |
| 11.00 Pagi | : | Persembahan 2 |
| 11.10 Pagi | : | Penyampaian Anugerah Projek Terbaik |
| 11.20 Pagi | : | Penyampaian Anugerah Pengarah Politeknik |
| 11.30 Pagi | : | Pengisytiharan Keahlian Alumni Politeknik Sandakan Sabah |
| 11.40 Pagi | : | Penutupan Majlis |
| 11.50 Pagi | : | Perarakan Keluar Tetamu Kehormat dan Tetamu Jemputan |
| 12.00 Tengahari | : | Sidang Media |
| 12.15 Tengahari | : | Sesi Temubual Media Bersama Wakil Graduan |
| 12.30 Tengahari | : | Jamuan Makan Vip |

**JADUAL MAJLIS
KONVOKESYEN KE-11 POLITEKNIK SANDAKAN SABAH**

| JABATAN | PENDAFTARAN | SKPG | AMBIL JUBAH | RAPTAI | KONVOKESYEN | PULANG JUBAH | SERAHAN TRANSKRIP DIPLOMA |
|--|--|---|--|---|--|--|--|
| | 20 SEPTEMBER 2024 (JUMAAT) | | | | 21 SEPTEMBER 2024 (SABTU) | | |
| Jabatan Agroteknologi & Bio-Industri Sesi II, 2022/2023 & Sesi I, 2023/2024 | Masa: 8.00 pagi – 12.00 tengah hari Lokasi; Sesi II: 2022/2023 DAG : Dewan Peperiksaan JAB DAQ : Bilik Seminar 1 Sesi I: 2023/2024 DAG : Bilik Seminar 2 DAQ : TEC 2 | Masa: 8.00 pagi – 12.00 tengah hari Lokasi: Makmal Bahasa 1 Makmal Bahasa 2 Makmal Bahasa 3 <i>*Sila bawa booklet untuk dicop oleh JK</i> | Masa: 8.00 pagi – 12.00 tengah hari Lokasi: Jabatan Hal Ehwal Pelajar PSS <i>*Sila bawa booklet untuk dicop oleh JK</i> | Masa: 2.00 petang Lokasi: Dewan Kompleks Sukan Sandakan | Masa: 7.00 pagi Lokasi: Dewan Kompleks Sukan Sandakan | Masa: selepas selesai majlis sehingga jam 5.00 petang. Lokasi: Jabatan Hal Ehwal Pelajar PSS <i>*Sila bawa booklet untuk dicop oleh JK</i> | Masa: sebaik selesai majlis sehingga jam 5.00 petang. Lokasi: Unit Peperiksaan PSS <i>*Sila bawa booklet untuk dicop oleh JK</i> |